

## **042 METODE SYEIKH ABDUL FATTĀH AL-QĀDĪ DALAM PENULISAN NAFĀIS AL-BAYĀN (SYARAH AL-FARĀID AL- HISĀN)**

**Mahmud Lutfi bin Abd. Hadi , Muhammad Syafee Salihin bin Hasan, Ahmad Shahir bin  
Masdan**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

### **ABSTRAK**

Ilmu Fawasil merupakan suatu ilmu yang sinonim dengan *waqf* dan *ibtida'* dalam al-Qur'an. Dengan ilmu Fawasil kedudukan *ru'ūs al-āyah* (pengakhiran ayat) di sisi ulama *'adad* dapat diketahui. Terdapat banyak karangan yang ditulis ulama berkenaan ilmu ini dan masing-masing mempunyai metode tersendiri dalam membuat huraian dan perbahasan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui method penulisan yang digunakan oleh ulama tersohor ilmu-ilmu *Qur'āniyyah*, syeikh *'Abdul Fattāh bin 'Abdul Ghānī al-Qādī* dalam kitab *Nafāis al-Bayān* syarah *Farīdah al-Hisān*. Kajian ini memilih analisis dokumen sebagai rekabentuk kajian. Data dikumpul melalui analisis dokumen yang terdiri daripada kitab-kitab lama dan semasa. Data-data yang diperolehi akan diproses dan akan dibuat beberapa kesimpulan seterusnya tindakan ke arah menambah kualiti kefahaman pelajar dan masyarakat dalam mempelajari ilmu Fawasil.

**Kata kunci:** Method kitab Faridah al-hisan, syeikh *'Abdul Fattāh bin 'Abdul Ghānī al-Qādī*, menambah kefahaman dalam pembelajaran.

## PENDAHULUAN

Ilmu Fawasil ialah suatu ilmu yang penting dalam pembelajaran al-Qur'an. Ini kerana selain daripada berperanan menjadi panduan sesuatu ayat itu dikira sebagai akhir ayat atau sebaliknya, ilmu Fawasil juga dapat menjadi pedoman untuk praktikal *waqf* dan *ibtidā'*. Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulamak dalam menentukan bilangan ayat dalam al-Qur'an. Perbezaan ini berpunca daripada berbezanya riwayat<sup>1</sup> yang diriwayatkan oleh ulamak-ulamak *'adad*<sup>2</sup>. Banyak karangan yang ditulis ulamak dalam genre ilmu Fawasil. Demikian juga, didapati metode yang dipersembahkan dalam penulisan adalah berbeza. Ada yang melibatkan penggunaan matan, ada yang menyebutkan setiap sanad riwayat dan ada pula yang merupakan huraian tanpa matan. Contoh yang diambil penulis ialah karangan *Nafāis al-Bayān*, syarah kepada matan *Farāid al-Hisān* oleh Syeikh *'Abdul Fatāḥ bin 'Abdul Ghāni al-Qādī*.

### Beberapa karangan dalam ilmu Fawasil

Terdapat banyak penulisan berkenaan ilmu Fawasil. Ada yang ditulis sebagai satu bab dalam kitab-kitab ilmiyyah secara bercampur seperti yang ditulis oleh al-Suyūṭī dalam *al-Itqān*<sup>3</sup> dan Syaikh Musa Syāhin Lāsyin dalam *al-Laālī al-Hisān*<sup>4</sup>, dan ada juga yang ditulis secara khusus dalam sebuah kitab antaranya:-

#### 1. Al-Farāid al-Hisān

Dikarang oleh syeikh *'Abdul Fatāḥ bin 'Abdul Ghāni al-Qādī*. Terdiri daripada 130 bait syair. Matan ini disyarah oleh beliau sendiri dalam kitab *Nafāis al-Bayān*.

#### 2. Al-Bayan fī 'Iddi Āyi al-Qur'an

<sup>1</sup> Riwayat-riwayat berkenaan ilmu Fawasil dapat dilihat dalam kitab *al-Bayān fī 'Iddi Āyi al-Qur'an* oleh *Abī 'Amr al-Dānī al-Andalusi*.

<sup>2</sup> Gelaran kelompok ulamak *'adad* yang tujuh: al-Madani al-Awwal, al-Madani al-Thāni ( al-Madani al-Akhīr), al-Makki, al-Basri, al-Dimasyqi, al-Himṣi dan al-Kūfi.

<sup>3</sup> Jalāluddin *'Abd Rahmān al-Suyūṭī*, *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'an*, Dar Ibn Kathir, Damsyik, 1997 / 1416H, cet. Kedua. , jil. 2, hlm. 940.

<sup>4</sup> Mūsā Syāhin Lāsyin, *Al-Laālī al-Hisān*, Maṭba'ah Dār al-Ta'lif, Cairo, 1968 / 1388H, hlm. 47.

Dikarang oleh Imam Abu <sup>c</sup>Amr al-Dānī al-Andalusi (seorang daripada imam qirā'āt yang masyhur). Dipersembahkan dalam bentuk riwayat bersanad dan terdiri daripada banyak bab.

### 3. **Basyīr al-Yasīr Syarḥ Nāzimah al-Zuhri**

Karangan oleh syeikh <sup>c</sup>Abdul Fatah bin <sup>c</sup>Abdul Ghāni al-Qādī, menghuraikan matan Nāzimah al-Zuhri oleh imam al-Syātībi. Terdapat rumuz yang digunakan dalam matan untuk mengetahui bilangan ayat dalam setiap surah<sup>5</sup>.

#### **Kepentingan mengetahui Ilmu Fawasil :**

- 1- Bagi menentukan sahnya solat kerana mengikut pendapat fuqaha' seseorang yang tidak menghafaz al-Fatihah, hendaklah mendatangkan ganti tujuh ayat dari al-Quran sebagai ganti, sekiranya dia tidak mengetahui tentang ilmu fawasil, bagaimanakah seseorang itu dapat mengira sehingga ayat ketujuh.
- 2- Memastikan seseorang mendapat pahala dari bacaan ayat-ayat al-Qur'an di dalam solat berdasarkan bilangan-bilangan tertentu.
- 3- Sebagai satu sebab untuk mendapat pahala yang dijanjikan bagi sesiapa yang belajar bilangan-bilangan yang dikhususkan bagi ayat-ayat al-Quran atau membacanya ketika hendak tidur. Sabda Nabi sallallahu <sup>c</sup>alaihi wasallam:

من قام بعشر آيات لم يكتب من الغافلين ومن قام بعشر آيات كتب من القاتلين ومن قام بألف آية

<sup>6</sup> كتب من المتنطرين.

<sup>5</sup> As-Syātībi menggunakan simbol (أبجد هو ز حطى كلمن سعفص قر) untuk mengetahui bilangan ayat. Ḥamzah (1), bā (2), jīm (3), dāl (4), hā (5), wāw (6), zāy (7), ḥa (8), tā (9), yā (10), kāf (20), lām (30), mīm (40), nūn (50), sīn (60), <sup>c</sup>ain (70), fā (80), sad (90), qāf (100) dan rā (200). Tiada yang lebih besar daripada angka dua ratus kerana bilangan ayat tidak melebihi tiga ratus. Sila lihat <sup>c</sup>Abdul Fatah bin <sup>c</sup>Abdul Ghani al-Qadi, *Basyīr al-Yasīr Syarḥ Nāzimah al-Zuhri fī <sup>c</sup>Ilm al-Fawāṣil*, Al-Hai'ah al-<sup>c</sup>Ammah li Syu'ūn al-Maṭabī<sup>c</sup> al-Amiriyyah, Cairo, cet. 97, hlm. 77.

<sup>6</sup> الراوي: عبد الله بن عمرو المحدث: أبو داود - المصدر: سنن أبي داود - الصفحة أو الرقم: 1398

- 4- Untuk mengetahui bilangan ayat yang disunatkan membacanya selepas al-Fatihah di dalam solat kerana ada nas yang menunjukkan bahawa sunat membaca sekurang-kurangnya tiga ayat pendek atau satu ayat panjang.
- 5- Sebagai ukuran memastikan bacaan khutbah yang dibaca itu sah kerana di antara rukun khutbah itu ialah membaca satu ayat al-Qur'an dengan sempurna satu ayat.
- 6- Memperolehi pahala sunat dengan berhenti di tempat yang disunatkan berhenti iaitu di kepala ayat. Sekiranya tidak mengetahui ilmu ini bagaimanakah untuk mempraktikkan waqaf dengan baik.
- 7- Untuk mengenali bacaan imalah dan taqlil pada kepala ayat dalam surah-surah tertentu nengikut qurra' yang mewajibkan imalah atau taqlil pada awal surah seperti العلق، النجم، الأعلى، الشمس، الضحى dan sebagainya. Ini kerana mengikut qiraat Warsy dan Abu Amru, mereka membaca taqlil pada kepala ayat pada surah-surah tersebut tanpa khilaf. Sekiranya seseorang qari itu tidak mengetahui kepala-kepala ayat di sisi ulama' fawasil, bagaimana dia dapat membezakan antara bacaan imalah atau taqlil sama ada secara ittifaq atau secara khilaf.

#### Cara untuk mengetahui fawasil (akhir setiap ayat) :

- 1- Persamaan ayat antara sebelum dan selepas dari segi panjang dan pendeknya.
- 2- Persamaan bentuk pada huruf akhir antara satu ayat dengan ayat yang lain di dalam satu surah.
- 3- Sepakat ulama' dalam mengira ayat-ayat yang mempunyai persamaan di dalam al-Quran.
- 4- Terhenti padanya perbicaraan sesuatu penceritaan / kisah.

## **BIODATA RINGKAS PENGARANG (SYEIKH <sup>c</sup>ABDUL FATTAH BIN <sup>c</sup>ABDUL GHANI BIN MOHAMMAD AL-QADI<sup>7</sup>)**

Beliau ialah Syeikh <sup>c</sup>Abdul Fattah bin <sup>c</sup>Abdul Ghani bin Mohammad al-Qādī. Dilahirkan di kota Damanhur di muhafazah Buhairah republik Arab Mesir pada 25 Syaaban 1325 Hijrah, bersamaan dengan 14 Oktober 1907. Membesar di kampung halamannya, menghafaz Al-Qur'an, talaqqi ilmu-ilmu bersangkutan qirā'at dan Tajwid daripada cendekiawan qurra' di zamannya dalam lingkungan kawasan Iskandariah dan Kaherah.

Beliau (rahimahullah) adalah sebahagian daripada tanda kebesaran Allah dalam kecerdikannya. Mempunyai uslub bahasa yang penuh balaghah lagi fasih. Mempunyai daya ingatan yang tinggi, merupakan seorang yang alim lagi menonjol dalam ilmu naqliyyah dan aqliyyah, dalam ulum al-Quran, fikah dan usulnya, serta tafsir dan hadis, serta bahasa Arab dan kesusasteraan. Seorang pemidato dan guru hebat, jika bercakap, jelas kandungan ucapannya, seorang yang fasih percakapan dan menunjukkan pengetahuan dan tinggi kedudukan.

### **Diantara guru-guru dan *rihlah* <sup>c</sup>ilmiyyah beliau, rahimahumullah:**

1. Syeikh <sup>c</sup>Ali <sup>c</sup>Iyādah, dengannya beliau menghafaz al-Qur'an al-Karim.
2. Syeikh Maḥmud Muḥammad Ghazzāl, dengannya beliau memperbaiki bacaan al-Qur'an dan mengambil bacaan qira'at sepuluh.
3. Syeikh Maḥmud Muḥammad Naṣruddin, dengannya juga beliau memperbaiki bacaan al-Qur'an dan mengambil bacaan qira'at sepuluh.
4. Syeikh Hammām bin Quṭb bin <sup>c</sup>Abdul Hādī, dengannya beliau mengambil bacaan qira'at sepuluh.
5. Syeikh Ḥasan Ṣubḥī, dengan beliau juga beliau mengambil bacaan qira'at sepuluh.

---

<sup>7</sup>Tarjamah al-<sup>c</sup>Allāmah Syeikh <sup>c</sup>Abdul Fattah al-Qādī, Laman sesawang Jāmicah Ummu al-Qurā, <https://uqu.edu.sa/page/ar/136413>.

6. Beliau kemudian menyertai Maahad Azhari di Iskandariah, dan menerima diploma sekolah tinggi.
7. Kemudian beliau berpindah ke Kaherah dan menyertai pengajian tinggi di Universiti al-Azhar, dan kemudian menyertai Jabatan Tafsir dan Hadis. Di kalangan guru-guru beliau di sana: Sheikh Maḥmūd Ḩabdul Dāim, dan Sheikh Al-Azhar Sheikh Maḥmūd Shalṭūt, Dr. Ḩabdullah Dirāz, dan Sheikh Yūsuf Dejwī, dan Sheikh Aḥmad Makki, dan Sheikh Al-Azhar Sheikh Muḥammad al-Khaḍar Hussein, dan lain-lain rahimahumullah.

### **Murid-muridnya:**

Ribuan pelajar telah mendapat manfaat daripada beliau, atas khidmat beliau mengajar di al-Azhar dan Universiti Madinah al-Munawwarah selama bertahun-tahun. Di antara murid-muridnya yang terkemuka:-

1. Dr. Zakariyya Al-Barri (bekas Menteri Wakaf di Mesir).
2. Dr. Mūsā Syāhīn Lāsyīn.
3. Dr. Ḩawḍullah Ḥijazi.
4. Dr. Sheikh ḨAli Ḩabdul Rahmān Ḥudhaifī (imam dan khatib di Masjid Nabi).
5. Sheikh Ibrāhīm Al-Akhḍar (imam Masjid Nabi terdahulu).
6. Sheikh Mohammad Ṣadiq Qamḥāwī (pengarang al-Burhan fi al-Tajwid).
7. Prof. Dr. Mohamad Salim Muhaisin (Karya-karyanya yang terkenal dalam ilmu qira'at dan lain-lain).
8. Prof. Dr. Shaabān Muhammad Isma'il (Karya-karyanya yang terkenal dalam ilmu usul fikah, qira'at dan lain-lain).
9. Sheikh Rizq Khalīl Ḥabbah.
10. Sheikh Maḥmud Khalil al-Ḥuṣorī.
11. Prof Dr Abdul Aziz al-Qari (bekas Dekan Kuliah Al-Quran dan Pengajian Islam di Universiti Islam Madinah).
12. Sheikh Ahmed bin Said Mohammed Ḩisa al-Sindi, dan ramai lagi, rahimahumullah.

### Karya-karya beliau:

bil	Judul
1	الواقي في شرح الشاطبية
2	الإيضاح لمعنى الدرة
3	الدور الراهن في القراءات العشر المتواترة من طريق الشاطبية والدرة
4	شرح منحة مولى البر للعلامة الهلالي الإيباري
5	النظم الجامع لقراءة الإمام نافع وشرحه
6	منظومة السر المصنون في رواية قالون من طريق الشاطبية وشرحه
7	بشير اليسر شرح ناظمة الزهر
8	القراءات في نظر المستشرقين والملاحدة
9	الفرائد الحسان وشرحه نفائس البيان في عد آي القرآن*
10	أسباب النزول الواردة عن الصحابة والتبعين
11	القراءات في نظر المستشرقين والملحدين
12	الصيام وأحكامه
13	منظومة في علم الميراث مع شرحها
14	تاريخ المصطفى الشريف
15	تاريخ القراء العشرة ورواهم
16	أبحاث في قراءات القرآن الكريم
17	دليل الحبران شرح مورد الضمان في رسم وضبط القرآن للعلامة المارغني (تحقيق).
18	شرح العقيلة للعلامة ابن القاصح في رسم القرآن الكريم (تحقيق)
19	تحبير التيسير في قراءات الأئمة العشرة للإمام ابن الجوزي (تحقيق)
20	شرح المقدمة الجزرية للشيخ خالد الأزهري (تحقيق)

### Akhir hayatnya:

Beliau meninggal dunia di Kaherah - selepas sakit penyakit di Madinah - Pada hari Isnin, yang kelima belas bulan Muharram 1403 Hijrah = 1982/11/01 AD, dan dikebumikan di Kaherah .

## **FORMAT PENYUSUNAN KITAB NAFĀIS AL-BAYĀN**

Penyusunan sesebuah karya mengikut susunan yang teratur dan sistematik merupakan format yang digunakan oleh setiap pengarang bagi memastikan penulisan mereka difahami. Melalui kitab Nafāis al-Bayān ini yang mana merupakan kitab yang menyebut tentang ilmu fawasil, penulis dapat merumuskan beberapa format yang digunakan oleh beliau sebagaimana berikut:

### **i. Bahagian pendahuluan :**

Pada pendahuluan kitab, seperti kebiasaan yang dilakukan oleh pengarang-pengarang kitab, pengarang juga memulakan dengan pujian kepada Tuhan sekelian alam, dan selawat serta ke atas junjungan besar Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam, dan ke atas keluarga, sahabat dan pengikut baginda. Seterusnya pengarang menyebut tentang adanya khilaf di kalangan ulama pada bilangan ayat. Beliau juga menyebut apa yang didatangkan ini ditulis dalam bentuk nazam syair. Dalam bicara iftitah pengarang, beliau menghamparkan pengharapannya supaya amalnya diterima. Kemudian pengarang menyebutkan pengertian fawasil, cara mengetahui fawasil, faedah mengetahui fawasil, menyebutkan nama-nama ulamak yang masyhur dalam pengiraan ayat al-quran serta jumlah bilangan ayat yang telah disepakati. Sebelum masuk ke bab seterusnya pengarang menerangkan serba sedikit pengertian rumus (simbol) yang dipakai dalam kitabnya.

### **Ulamak ‘adad:**

1. Al-Madani al-Awwal
2. Al-Madani al-Akhīr
3. Al-Makki
4. Al-Baṣri
5. Al-Dimasyqi
6. Al-Ḥimṣi
7. Al-Kūfi

**Simbol gabungan:**

1. Al-Hijazi = Al-Madani al-Awwal, Al-Madani al-Akhîr, dan Al-Makki.
2. Al-Syami = Al-Dimasyqi, Al-Ḥimṣi
3. Al-cIraqi = Al-Bâṣri, Al-Kūfî

**ii. Bahagian isi kandungan :**

Pengarang telah membuat susunan dalam kitab beliau dengan bentuk yang sistematik. Apa yang dibawakan beliau dalam setiap isi kandungan adalah merupakan syarah daripada bait-bait matan. Bermula dengan surah al-Fatihah diikuti surah al-Baqarah sehingga surah terakhir yang terdapat khilaf padanya mengikut susunan surah-surah di dalam al-Quran.

**iii. Bahagian penutup :**

Syeikh Abdul Fattah bin Abdul Ghani al-Qadhi menutup perbincangan di dalam kitab ini dengan puji-pujian serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan ke atas keluarga, sahabat dan pengikut baginda S.A.W. Beliau memohon keberkatan daripada Allah S.W.T. serta berharap penulisan beliau ini dapat menyatukan para ahli al-Quran pada seluruh zaman dan tempat. Beliau juga berharap penulisan kitab ini menjadi saham berguna kepada selepas kewafatan beliau. Pada bahagian penutup juga dinukilkkan tarikh beliau menyempurnakan penulisan kitab ini yakni pada hari Jumaat, 12 Rabiul Awal 1370 Hijrah bersamaan 22 Disember 1950 Masihi.

**METODOLOGI PENULISAN KITAB NAFAIS AL-BAYĀN**

1. Syarah berdasarkan bait-bait matan, contohnya:

فِي الْآيِّيِّ مَنْظُومًا عَلَى الْمُعْتَمِدِ	وَهَذَا خَلْفٌ عَلَيْهِ الْعَدُدُ
أَرْجُو بِهِ الْقِبْوَلُ وَالْإِحْسَانُ	سَمِّيَّتْهُ الْفَرَائِدُ الْحَسَانُ

Maksud bait :

Ambillah (dalam urusan bilangan ini) wahai sekalian penuntut, khilaf di kalangan ulamak <sup>c</sup>adad yang berupa nazam syair untuk menyenangkan pada ingat. Yang ianya telah dimuktamadkan oleh para ulamak.

Aku namakan dia Farāid al-Ḥisān. Aku mengharap amalku dalam mengarang nazam ini diterima Allah, dan belas ihsanNya untukku di dunia dan akhirat kerana khidmatku adalah untuk al-Qur'an al-Karim.

2. Mengambil pendapat ulamak yang masyhur dalam membincangkan pengiraan ayat:

- i. Al-Madani al-Awwal – bilangan ayat : 6214/6217
- ii. Al-Madani al-Akhīr – bilangan ayat : 6214
- iii. Al-Makki – bilangan ayat : 6210
- iv. Al-Baṣrī – bilangan ayat : 6204
- v. Al-Dimasyqi – bilangan ayat : 6226
- vi. Al-Ḥimṣī – bilangan ayat : 6232
- vii. Al-Kūfī – bilangan ayat : 6236

Di dalam bait-bait matan, jika ditulis al-Madani, maka ia meliputi kedua-dua al-Madani al-Awwal dan al-Madani al-Akhir. Pengarang juga menggunakan kaedah rumus iaitu jika ditulis al-Hijazi, maka ia meliputi al-Madani al-Awal, al-Madani al-Akhir, dan al-Makki.

Seterusnya jika ditulis as-Syami, maka ia merangkumi al-Dimasyqi dan al-Ḥimṣī. Rumus terakhir adalah al-<sup>c</sup>Irāqī yang membawa dua ulama' di dalamnya iaitu al-Baṣrī dan al-Kūfī.

3. Pada setiap permulaan syarah bait, pengarang menggunakan perkataan "وأقول",

sebagai contoh :

وأقول : بينت في هذا البيت أن الخلاف وقع ..... .

4. Kepelbagaian istilah - Pada setiap pengakiran syarah bait, pengarang membuat kesimpulan dengan menyenaraikan semua khilaf yang terdapat pada surah yang dibincangkan menggunakan istilah :

ـ تتمة ➤

ـ تتميم ➤

ـ والخلاصة ➤

ـ والحاصل ➤

ـ مواضع الخلاف في هذه السورة ➤

Sebagai contoh :

"ـ تتمة : الفوائل المختلف فيها في في سورة غافر تسعه تعرض النظم لبيان ثمانية وهي ..... ."

5. Kepelbagaian istilah yang digunakan oleh pengarang di dalam bait-bait matan :

Bil	Istilah yang membawa maksud <b>mengira</b>	Istilah yang membawa maksud <b>tidak mengira</b>
1	ـ عدد / تعد	ـ رد / ورد
2	ـ معتمد	ـ أهمل

3	نقل/نقا	مترك
4	يرى	لا
5	يجرى	دع
6	يسرى	امتنع
7	انتهى	نفي
8	وعى	سوى
9	تقع	حظل
10	تلا	اسقط
11	انتمى	احظر

6. Sekiranya di dalam satu surah terdapat khilaf pada kalimah yang berulang, maka di dalam bait matan, pengarang menyebut “pada tempat pertama” atau “pada tempat kedua” atau “pada tempat ketiga” dan meletakkan kalimah sebelum dan selepas kalimah yang terdapat khilaf tersebut untuk membezakan dengan kalimah yang tiada khilaf, contoh :

قلت "وتتفكرُون في الأولى ورد للثان والشامي وكوف في العدد"

الشرح : وأقول كلمة تتفكرُون في أول مواضعها وذلك قوله تعالى ((لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ)) الذي بعده ((فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ...)) قد ورد انتظامها في ساک العدد للمدیني الثاني والشامي والکوفي. وقيدتها بالأولى احترازا عن الثانية التي بعدها ((يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفَقُوا...)).

7. Pengarang menggunakan bahasa yang agak mudah untuk difahami. Susunan ayat dan kalimah-kalimah yang digunakan mampu dibaca oleh segenap lapisan penuntut. Perbahasan dalam syarah susunan tidak melebihi daripada menyebutkan perkara-perkara berikut:
  - i. Surah / tempat khilaf
  - ii. Ulamak <sup>c</sup>adad yang terlibat
  - iii. Dikira / tidak dikira
  - iv. Kesimpulan
8. Pengarang menghuraikan bait-bait matan dengan jelas dan lengkap. Beliau kerap kali menyebutkan makna kalimah dalam matan supaya mudah difaham seperti kalimah (اکھ) seerti dengan makna (خ). Kemudian beliau memberi penerangan untuk memberi faham taqdir-taqdir dan perkara yang terkandung dalam matan.

## **KESIMPULAN**

Karya-karya Syeikh <sup>c</sup>Abdul Fatah bin <sup>c</sup>Abdul Ghānī al-Qādī diakui menjadi penyumbang dan penyeri kepada bidang ilmu al-Qur'an dan al-Qira'at. Kesinambungan ilmu ini adalah daripada ulamak terdahulu dan diteruskan oleh para pendukungnya, supaya ianya sentiasa diambil peduli dan tidak dilupai oleh penuntut zaman sekarang. Mudah-mudahan pengarang sentiasa mendapat limpahan kasih sayang dan rahmat Allah, dan sumbangannya sentiasa dibaca dan dihargai ummat. Amin.